

## TERMA DAN SYARAT

**Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan** adalah merupakan satu skim yang menawarkan pinjaman (bukan biasiswa) kepada pelajar-pelajar yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda secara sepenuh masa di institusi pengajian tinggi dalam atau luar Negara yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Pemohon yang berjaya tidak boleh memohon/menerima sebarang biasiswa yang ditawarkan dalam negeri.

### 1. Syarat-Syarat Utama

- Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; **dan**
- Berumur tidak melebihi 26 tahun pada 1 September sesi tahun pengajian yang dipohonkan.

### 2. Kelayakan Akademik

2.1 Memperolehi sekurang-kurangnya 3 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Lanjutan ('A' Level) dalam sekali duduk dan dalam mata pelajaran yang bersesuaian atau berkait rapat dengan kursus yang dipohonkan dengan memperolehi UCAS *Tariff Points* minima 240 mata bagi tiga (3) mata pelajaran terbaik dan setiap mata pelajaran hendaklah tidak kurang daripada Gred C.

Tariff Points.

A\* = 140   A = 120   B = 100   C = 80   D = 60   E = 40

**atau**

2.2 Memperolehi kelulusan International Baccalureate Diploma (IB) dengan Gred minima 30 mata (*points*);

**atau**

2.3 Memperolehi Diploma Tertinggi Kebangsaan atau sebanding dengannya dengan mendapat sekurang-kurangnya Grade Point Average [GPA] sama ada;

- i. Memperolehi 2.50 daripada 3.0 bagi institusi pengajian tinggi Kerajaan tempatan; **atau**
- ii. Mencapai tahap *Distinction* atau Gred A mengikut sistem penggredan (*Grading System*) dari institusi berkenaan.

**dan**

2.4 Memperolehi:-

- i. Minima Credit C6 bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa ('O' Level); **atau**
- ii. Minima Gred C bagi mata pelajaran IGCSE English as A Second Language; **atau**

- iii. Minima Gred c bagi mata pelajaran Kertas Am (*General Paper*) dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Lanjutan ('AS' Level); **atau**
- iv. IELTS Overall Band minima 6.0.

2.5 Bagi pelajar persendirian yang sedang mengikuti Ijazah Sarjana Muda yang berhajat untuk meneruskan pengajian ke tahun berikutnya di atas Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan hendaklah memperolehi sekurang-kurangnya Kepujian Kelas Kedua Atas (2:1) atau sebanding dengannya pada akhir sesi pengajian yang sedang diikuti dan memenuhi persyaratan pengajian seperti yang dinyatakan di perenggan 3.2 di bawah.

### 3. Bidang dan Tempat Pengajian

- 3.1 Pemohon hendaklah mengikuti kursus dalam bidang yang sejajar dengan keutamaan dan keperluan Negara sepertimana dalam senarai kursus terkini Ijazah Sarjana Muda (seperti dalam Lampiran 'A'). Permohonan bagi mengikuti kursus-kursus yang tidak termasuk di dalam senarai di atas adalah tertakluk kepada pertimbangan khas.
- 3.2 Tempat pengajian jika di institusi pengajian tinggi luar Negara hendaklah berpandukan kedudukan (*ranking*) universiti yang terkini seperti berikut:
- 'Top 20' mengikut bidang (subjek) dalam The Times Good University Guide United Kingdom atau 'Top 40' dalam The Times Good University Guide United Kingdom (secara keseluruhan); **atau**
  - 'Top 20' mengikut bidang (subjek) dalam US News and World Report Best Colleges Rankings atau 'Top 40' dalam US News and World Report Best Colleges Rankings (secara keseluruhan); **atau**
  - 'Top 300' dalam QS World University Rankings; **atau**
  - Sekurang-kurangnya '5 star' bagi institusi pengajian tinggi Malaysia (mengikut 'SETARA 2017').
- 3.3 Pelajar tidak dibenarkan bertukar tempat pengajian atau menukar kursus tanpa sebab yang munasabah atau kebenaran bertulis daripada pihak Kerajaan. Pelajar boleh dikehendaki untuk membayar balik sepenuhnya pinjaman yang telah dikeluarkan jika bertukar tempat pengajian atau menukar kursus tanpa kebenaran awal secara bertulis dari pihak Kerajaan.

### 4. Tempoh Pengajian

- 4.1 Tempoh pengajian adalah tiga tahun maksima atau mengikut tempoh kursus yang ditawarkan.

### 5. Syarat-Syarat Tambahan

- 5.1 Lulus temuduga pemilihan yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan; **dan**
- 5.2 Kursus atau program dan tempat pengajian yang akan diikuti sebaik-baiknya mendapat pengiktirafan daripada Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan, Negara Brunei Darussalam (MKPK); **dan**
- 5.3 Bersih dalam tapisan keselamatan.

## 6. Struktur Pinjaman

- 6.1 Pemohon perlu menyediakan dua orang penjamin. Penjamin hendaklah terdiri dari ahli keluarga yang mempunyai pekerjaan tetap yang berkhidmat dengan Kerajaan atau sektor swasta dimana **Penjamin pertama** hendaklah sedang berkhidmat dengan Kerajaan.
- 6.2 Jika pelajar lulus pengajian dan berhajat untuk bekerja di luar negara, tambahan seorang penjamin adalah diperlukan. Pelajar akan dikehendaki membayar balik pinjaman termasuk yuran pentadbiran mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan.
- 6.3 Jumlah maksima pinjaman yang akan dihulurkan adalah seperti berikut:
- 6.3.1 Bagi pelajar yang mengikuti pengajian di **dalam Negara** adalah meliputi kos yuran pengajian, kos perjalanan dan kos sara hidup.
  - 6.3.2 Manakala, bagi pelajar yang mengikuti pengajian di **luar Negara** ianya akan meliputi kos yuran pengajian, kos perjalanan dan kos sara hidup (termasuk sewa tempat kediaman). Walaubagaimanapun, jumlah pinjaman yang dipohonkan untuk dikeluarkan adalah tertakluk kepada keperluan 'peminjam' yang tidak melebihi kadar-kadar yang telah ditetapkan bagi penerima biasiswa Kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- 6.4 Kadar kos perjalanan dan kos sara hidup (termasuk sewa tempat kediaman) adalah berpandukan garispandu Maklumat Kadar Elaun dan Kemudahan-Kemudahan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam, mengikut Negara tempat pengajian.
- 6.5 Pinjaman bagi kos yuran pengajian akan dibayar secara langsung kepada tempat pengajian berdasarkan kepada tuntutan. Manakala, bagi kos perjalanan dan kos sara hidup (termasuk sewa tempat kediaman bagi pengajian di luar Negara) akan dibayar secara langsung setiap bulan ke dalam akaun 'peminjam' di luar Negara.
- 6.6 Jika ibu/bapa pelajar yang berjaya mendapatkan Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan ini menerima kemudahan Elaun Pelajaran Kerajaan (maksima \$800 sebulan tertakluk kepada negeri tempat belajar), elaun tersebut akan dibayar terus ke akaun 'peminjam' atau sebagai 'top-up' kepada perbezaan jumlah keseluruhan pinjaman.
- 6.7 Pelajar adalah dikehendaki untuk menghadapkan keputusan akademik pengajian setiap tahun kepada Kementerian Pendidikan sekurang-kurangnya sebulan sebelum tahun baru pengajian bermula. Pihak Kementerian Pendidikan berhak untuk menghentikan pinjaman yang dihulurkan jika pelajar menanggungkan pengajian mereka; atau menjadi tidak aktif dari segi akademik; atau lemah dalam prestasi akademiknya. Dalam perkara ini, peminjam akan perlu untuk membayar balik keseluruhan jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan mengikut syarat-syarat tertentu.

## 7. Bayaran Balik Pinjaman

- 7.1 Pinjaman kewangan tidak akan dikenakan sebarang yuran pentadbiran semasa tempoh pengajian mengikut tempoh kursus yang ditawarkan. Yuran pentadbiran akan dikenakan ke atas jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan bermula dari tiga bulan selepas tarikh tamat pengajian pada kadar sebanyak 3 peratus setahun daripada baki pinjaman.

- 7.2 Tempoh pembayaran balik pinjaman adalah tidak melebihi 30 tahun dan pembayaran balik boleh dibuat sekali gus (*lump sum*) atau secara ansuran bulanan apabila peminjam mendapat pekerjaan termasuk jika bekerja sendiri. Kadar bayaran balik pinjaman setiap bulan hendaklah tidak kurang daripada 15 peratus gaji pokok.
- 7.3 Jika peminjam berkhidmat dengan Kerajaan Negara Brunei Darussalam, bayaran balik pinjaman termasuk yuran pentadbiran akan dipotong terus daripada gaji bulanan peminjam. Jika peminjam tidak berkhidmat dengan Kerajaan Negara Brunei Darussalam, urusan pembayaran balik kepada Kerajaan perlulah melalui potongan gaji bulanan peminjam oleh majikan. Jika peminjam bekerja sendiri (*self-employed*), pembayaran balik hendaklah dihadapkan terus ke Jabatan Perbendaharaan di Kementerian Kewangan.
- 7.4 Pelajar bertanggungjawab untuk mencari pekerjaan sendiri selepas tamat pengajian.
- 7.5 Sebagai galakan kepada pelajar-pelajar bagi mencapai kecemerlangan akademik, pihak Kerajaan akan menawarkan **insentif-insentif** berikut:
- 7.5.1 **Pelajar yang berjaya memperolehi Ijazah Sarjana Muda dengan pangkat First Class with Honours, akan ditawarkan untuk menukar pinjaman tersebut kepada biasiswa Kerajaan dan tidak akan diperlukan membayar balik pinjaman tersebut sepenuhnya. Jika sekiranya pelajar tidak berhasrat untuk mengambil biasiswa Kerajaan maka pembayaran balik pinjaman termasuk yuran pentadbiran pada kadar yang ditetapkan akan dikenakan sepenuhnya.**
- 7.5.2 **Pelajar yang mendapat pangkat second upper (2.1) with Honours, akan ditawarkan bagi pengurangan bayaran balik pinjaman jumlah pokok (*principal amount*) sebanyak 60 peratus. Jumlah pinjaman selebihnya sebanyak 40 peratus bersama yuran pentadbiran yang ditetapkan akan dikenakan.**
- 7.5.3 **Pelajar yang mendapat pangkat second lower (2.2) with Honours, akan ditawarkan pengurangan bayaran balik pinjaman jumlah pokok sebanyak 20 peratus. Jumlah pinjaman selebihnya sebanyak 80 peratus bersama yuran pentadiran yang ditetapkan akan dikenakan.**
- 7.6 Bagi mana-mana pelajar yang menerima tawaran bagi pengurangan pinjaman kepada biasiswa sepenuhnya seperti di perenggan 7.5.1 di atas, Kerajaan berhak untuk mendapatkan perkhidmatannya bekerja dengan kerajaan terlebih dahulu (*right of first refusal*) berbanding tawaran kerja dari pihak swasta bagi tempoh tidak lebih dari tiga tahun. Walaubagaimanapun, pihak Kerajaan juga boleh menimbang bagi pelajar-pelajar berkenaan untuk diberikan kebenaran untuk terus berkhidmat terus di sektor swasta jika terdapat keperluan tersebut.
- 7.7 Pelajar-pelajar yang menerima tawaran insentif-insentif di perenggan 7.5.1, 7.5.2 dan 7.5.3 di atas, adalah juga dipersyaratkan untuk memperolehi sekurang-kurangnya Credit C6 dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat 'O' Level.
- 7.8 Bagi negara-negara yang tidak menggunakan sistem klasifikasi keputusan pengajian di bilangan 7.5.1, 7.5.2 dan 7.5.3 di atas, pelajar hendaklah mendapatkan surat pengesahan secara rasmi mengenai klasifikasi daripada Pejabat Pendaftar universiti tempat pengajian atau tertakluk kepada pengesahan klasifikasi daripada Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
- 7.9 Sebagaimana keterangan di perenggan 3.3 di atas, mana-mana pelajar yang meninggalkan institusi pengajian tanpa melengkapkan kursus dan kebenaran bertulis dari pihak Kerajaan, jumlah pinjaman (termasuk yuran pentadbiran) dengan serta-merta akan menjadi tuntutan bayaran mengikut syarat yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan.

## 8. Tatacara Permohonan

- 8.1 Borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman sesawang Kementerian Pendidikan melalui pautan link: <http://www.moe.gov.bn>
- 8.2 Tarikh mula dan tutup permohonan akan dimaklumkan kemudian melalui laman sesawang Kementerian Pendidikan dan media-massa.
- 8.3 Pemohon adalah dikehendaki menghadapkan perkara-perkara berikut ke Bahagian Biasiswa, Tingkat 5, Blok C, Kementerian Pendidikan:
- Salinan borang permohonan Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan dan HECAS;
  - Borang B (4 keping);
  - Surat tawaran tempat pengajian;
  - Isi kandungan kursus (*course content / structure*);
  - Sistem penggredan (*Grading System*) jika perlu; dan
  - Salinan sijil dan dokumen yang disahkan (*certified true copy*) oleh Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan / Pengetua / Pendaftar Mahkamah.